

PENTAKRIFAN KEMISKINAN HAID MENURUT AL-QURAN: SATU ANALISIS BERDASARKAN TAFSIR DAN PENDEKATAN PEMROSESAN BAHASA SEMULA JADI (NLP)^(*)

*(Definition of Period Poverty according to the Quran: An Analysis Based
on Tafsir and Natural Language Processing (NLP) Approach)*

Nurul Suhaida Ibrahim¹, Latifah Abdul Majid², Juliyana Junaidi³

ABSTRACT

This study analyzes Quranic verses related to menstruation management using an integrative approach that combines classical and modern exegesis as well as Natural Language Processing (NLP) techniques. The main objective is to identify the key themes presented by the commentators and to understand the legal and ethical implications of menstruation management from the perspective of the Quran. The main verse analyzed is Surah al-Baqarah (2:222) along with highlights from the interpretations of Ibn Kathir, al-Jalalayn, al-Maraghi, and Pimpinan Ar-Rahman. With the help of NLP methods such as tokenization, frequency analysis, and topic modeling, the study findings show that the approach to menstruation management in the Quran emphasizes aspects of cleanliness, respect for women, and the maintenance of marital relationships. This study also suggests the use of NLP as an aid in the contemporary study of Quranic exegesis. This writing also links the findings to the contemporary phenomenon of period poverty, which is the lack of access to basic menstrual management needs with dignity and proposes a definition of period poverty according to the perspectives of the Quran and Sunnah.

Keywords: *Definition, Menstruation, NLP, Women, Period Poverty*

^(*) This article was submitted on: 29/07/2025 and accepted for publication on: 25/09/2025.

¹ Doktor Falsafah, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. (Corresponding Author)

Emel: nsuhaidaibrahim@gmail.com

² Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Emel: umilm@ukm.edu.my

³ Felo Siswazah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Emel: juliyanajunaidi@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis ayat-ayat al-Quran berkaitan pengurusan haid dengan pendekatan integratif yang menggabungkan tafsir klasik dan moden serta teknik Pemprosesan Bahasa Semula Jadi (NLP). Objektif utama adalah untuk mengenal pasti tema-tema utama yang dikemukakan oleh para mufassir serta memahami implikasi hukum dan etika pengurusan haid dari perspektif al-Quran. Ayat utama yang dianalisis ialah Surah al-Baqarah (2:222) disertai sorotan terhadap tafsir Ibn Kathir, al-Jalalayn dan al-Maraghi. Dengan bantuan kaedah NLP seperti tokenisasi, analisis frekuensi dan model topik, dapatan kajian menunjukkan pendekatan pengurusan haid dalam al-Quran menekankan aspek kebersihan, penghormatan terhadap wanita dan penjagaan hubungan suami isteri. Kajian ini turut mencadangkan penggunaan NLP sebagai alat bantu dalam pengkajian tafsir al-Quran secara kontemporari. Penulisan ini turut mengaitkan dapatan dengan fenomena kontemporari iaitu kemiskinan haid, iaitu ketiadaan akses terhadap keperluan asas pengurusan haid yang bermaruah dan mencadangkan definisi kemiskinan haid menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah.

Kata Kunci: *Takrifan, Haid, NLP, Wanita, Kemiskinan Haid, Tafsir*

1.0. PENDAHULUAN

Pengurusan haid merupakan salah satu aspek penting dalam kehidupan wanita Muslim, bukan sahaja dari sudut fisiologi tetapi juga dari perspektif hukum dan kerohanian. Al-Quran sebagai sumber utama syariat Islam menyentuh isu ini secara jelas dalam Surah al-Baqarah ayat 222. Ayat ini telah menjadi rujukan utama para ulama dalam menetapkan hukum berkaitan hubungan suami isteri semasa haid, tanggungjawab penyucian diri dan adab dalam hubungan gender. Dalam dunia kontemporari, analisis terhadap isu-isu fiqh wanita termasuk haid memerlukan pendekatan yang lebih komprehensif yang bukan sahaja mempertimbangkan teks tetapi juga konteks.

Salah satu isu kontemporari yang muncul ialah "kemiskinan haid" (*period poverty*), yang mana telah mendapat perhatian semakin meluas dalam kalangan pengkaji kesihatan wanita global. Menurut BMC Women's Health, kemiskinan haid ditakrifkan sebagai suatu bentuk kekurangan atau kesukaran dalam mendapatkan produk kebersihan haid, kekurangan akses kepada pendidikan kesihatan menstruasi, kemudahan air bersih, serta sistem pengurusan sisa buangan yang sesuai (Cardoso et. al, 2021). Definisi ini menunjukkan

bahawa kemiskinan haid tidak hanya berkaitan dengan aspek kewangan, tetapi turut merangkumi kekangan dan infrastruktur asas yang menyokong pengurusan haid secara bermaruah. Sementara itu, Tull menyatakan bahawa kemiskinan haid merujuk kepada keterbatasan akses terhadap produk kebersihan akibat pelbagai faktor, termasuk faktor ekonomi, tahap pengetahuan yang rendah serta keadaan persekitaran yang tidak kondusif (Tull, 2019). Penjelasan ini menggariskan sifat multidimensi kemiskinan haid, yang bukan sahaja berakar daripada kemiskinan mutlak, tetapi juga daripada ketidaksamaan sosial dan pendidikan.

Dalam takrifan yang lebih spesifik, WHO dan UNICEF menyatakan bahawa pengurusan kebersihan haid melibatkan kemampuan individu wanita atau remaja perempuan untuk menggunakan produk haid secara selesa, bersih dan dalam persekitaran yang tertutup serta selamat (WHO & UNICEF). Kegagalan untuk memenuhi keperluan ini, terutamanya dalam kalangan mereka yang hidup dalam kemiskinan, membawa kepada amalan yang tidak sihat dan boleh memberi implikasi terhadap kesihatan reproduktif serta kesejahteraan psikososial. Kajian oleh Nor Faiza misalnya, melaporkan bahawa disebabkan keterbatasan kewangan, terdapat wanita yang terpaksa mengehadkan penggunaan tuala wanita dan bahkan menggunakan semula produk yang sama untuk tempoh yang panjang, yang jelas bertentangan dengan amalan kesihatan yang baik (Nor Faiza, 2021).

Dalam konteks al-Quran dan al-Sunnah, isu ini belum disebut secara literal sebagai "kemiskinan haid", tetapi pemahaman terhadap ayat al-Quran dalam Surah al-Baqarah: 222 daripada beberapa ahli tafsir menekankan aspek kebersihan, penjagaan diri dan larangan tertentu yang memerlukan wanita memahami dan menguruskan haid dengan ilmu dan kemudahan yang mencukupi. Hal ini selari dengan pandangan Latifah yang menyatakan bahawa perihal haid dan darah wanita ini merupakan perkara yang penting, tidak boleh dipandang mudah malah sepatutnya menjadi keutamaan bagi setiap insan bergelar muslim (Latifah et. al, 2024).

Tambahan lagi, apabila ditelusuri dengan lebih mendalam perbahasan berkaitan haid ini sangat dekat dengan individu Muslim lebih-lebih lagi wanita kerana ia merupakan satu fitrah sebagai seorang wanita mengalami haid dan perihal haid ini berkait rapat dengan ibadah seharian. Perbincangan haid sangat berkait rapat dengan taharah atau kebersihan diri kerana kebersihan merupakan salah satu cabang ibadah dalam Islam. Salah satu faktor berlakunya kemiskinan haid dalam kalangan wanita ialah faktor pendidikan dan ilmu. Selari dengan pandangan Hannan Fatini & Siti Khatijah bahawa tanpa ilmu yang betul,

seseorang akan melakukan sesuatu secara melulu dan tidak betul. Kesahihan ibadah seseorang hamba Allah diukur pada pelaksanaan taharah yang sempurna. Ibadah merupakan sandaran asas nilai ketaatan kepada Pencipta (Hannan & Siti, 2020).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan Natural Language Processing (NLP) dalam kajian al-Quran semakin berkembang, khususnya dalam bidang analisis semantik. Misalnya, pendekatan *word embeddings* telah digunakan untuk mengenal pasti hubungan makna antara perkataan dalam al-Quran, sekaligus membolehkan para penyelidik memahami pola semantik yang lebih luas (Sulaiman, 2019). Selain itu, kaedah seperti *topic modeling* dan *sentiment analysis* telah diaplikasikan dalam teks Arab klasik bagi mengenal pasti tema dan emosi yang terkandung dalam teks, walaupun kajian khusus dalam al-Quran masih terhad. Kajian *Named Entity Recognition* (NER) turut membantu dalam mengenal pasti nama tokoh, tempat dan istilah penting dalam al-Quran (Yahya, 2021).

Selain analisis berskala kecil, terdapat juga inisiatif besar dalam pembangunan korpus digital al-Quran. Antara yang paling berpengaruh ialah *Quranic Arabic Corpus* yang menyediakan anotasi morfologi dan sintaksis ayat-ayat al-Quran serta Projek Tanzil yang menekankan ketepatan teks digital mushaf. Penyelidikan terkini pula memanfaatkan *model transformer* seperti BERT dan AraBERT untuk menganalisis teks Arab dengan ketepatan yang lebih tinggi, sekali gus membuka ruang kepada penerokaan tafsir berasaskan kecerdasan buatan (Ali & Mubarak, 2022).

Namun begitu, terdapat perbezaan ketara antara penggunaan NLP dalam teks Arab umum dengan teks al-Quran. Analisis ke atas teks Arab moden lebih mudah kerana bersifat kontemporari, manakala teks al-Quran mempunyai ciri-ciri linguistik tersendiri termasuk gaya bahasa, *i'jaz* dan retorik yang sukar ditangani oleh algoritma NLP semata-mata. Justeru, walaupun NLP berjaya membantu menganalisis corak linguistik, masih terdapat jurang dalam menghubungkannya dengan tafsiran isu-isu kontemporari berlandaskan al-Quran, khususnya berkaitan fiqh wanita seperti kemiskinan haid.

Dalam konteks ini, NLP berperanan dalam beberapa bentuk:

- 1) Penyusunan semula data tafsiran klasik secara lebih sistematik dan kuantitatif melalui analisis pola linguistik dan frekuensi istilah.

- 2) Membuka ruang tafsiran baharu, contohnya dengan menonjolkan tema sosial tertentu yang mungkin tidak dijelaskan secara eksplisit oleh mufassir terdahulu.
- 3) Mengesahkan dapatan klasik secara empirik, iaitu menyediakan bukti linguistik dan statistik untuk menyokong huraian ulama tafsir.

Sumbangan artikel ini ialah cuba merapatkan jurang tersebut, dengan menggunakan NLP bukan sekadar sebagai kaedah linguistik tetapi sebagai alat untuk menilai dan mentakrifkan semula isu kontemporari seperti kemiskinan haid menurut perspektif al-Quran.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk meneliti pentakrifan kemiskinan haid menurut perspektif al-Quran dengan menggunakan kaedah *Natural Language Processing* (NLP). Kaedah ini dipilih kerana dalam dekad terkini, aplikasi NLP dalam kajian teks Arab khususnya al-Quran semakin mendapat tempat, termasuk dalam bidang analisis semantik, pengenalpastian pola linguistik serta pembangunan korpus digital al-Quran (Khan, 2022). Walaupun sebahagian besar kajian terdahulu masih terhad kepada pembinaan korpus dan analisis bahasa asas, penggunaan NLP dalam isu kontemporari seperti fiqh wanita merupakan sumbangan baharu artikel ini. Ia bukan sahaja mengesahkan dapatan mufassir klasik melalui bukti linguistik yang lebih empirik, malah menambah dimensi baharu melalui analisis frekuensi, jaringan semantik dan konteks sosial ayat.

Namun demikian, harus diakui bahawa penggunaan NLP dalam bidang tafsir mempunyai kekuatan dan keterbatasannya. Antara kekuatan utama ialah keupayaan menganalisis teks dalam skala besar secara objektif, serta memberi gambaran menyeluruh tentang pola linguistik yang sukar dicapai secara manual. Kelemahannya pula ialah keterbatasan NLP dalam menangkap nuansa makna, maqasid serta retorik al-Quran yang memerlukan kefahaman disiplin tafsir yang mendalam. Oleh itu, NLP dalam konteks ini harus dilihat sebagai alat bantu bagi menyokong analisis tafsir, bukan menggantikan kaedah tradisi yang berasaskan ijtihad mufassir.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif-analitik yang menekankan pemerhatian mendalam terhadap teks dan makna, khususnya dalam konteks al-Quran dan tafsir. Data utama kajian diperoleh daripada al-Quran, dengan penumpuan khusus terhadap ayat Surah al-Baqarah (2:222) yang berkaitan

dengan pengurusan haid dalam perspektif Islam. Bagi memperkukuh pemahaman terhadap maksud ayat tersebut, kajian ini turut menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada beberapa karya tafsir terpilih. Sumber-sumber tafsir yang digunakan merangkumi pelbagai latar masa dan pendekatan penafsiran, termasuk *Tafsir Ibn Kathir* yang mewakili pendekatan klasik dan bersifat naratif. Tafsir al-Jalalayn yang dikenali dengan gaya ringkas dan padat, Tafsir al-Maraghi yang bersifat semi-modern dengan pendekatan rasional dan kontekstual serta Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dalam bahasa Melayu yang memudahkan pemahaman konteks masyarakat tempatan. Gabungan sumber-sumber ini membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap ayat yang dikaji, di samping menonjolkan kepelbagaian metodologi penafsiran yang dapat memberikan pelbagai dimensi pemahaman terhadap hukum dan etika berkaitan haid dalam Islam.

Dalam kajian ini, beberapa kaedah Pemprosesan Bahasa Semula Jadi (*Natural Language Processing, NLP*) telah digunakan bagi menganalisis teks-teks tafsir secara sistematik dan terperinci. Kaedah pertama ialah tokenisasi, iaitu proses memecah teks kepada unit-unit kecil seperti perkataan dan frasa untuk memudahkan analisis lanjut (Martin & Jurafsky, 2019). Seterusnya, analisis frekuensi digunakan untuk mengenal pasti kata kunci yang sering muncul dalam perbincangan berkaitan haid, sekali gus memberikan gambaran awal tentang penekanan konsep dalam teks tafsir (Manning, Raghavan & Schutze, 2008). Di samping itu, teknik pembinaan topik (*topic modeling*) diaplikasikan bagi menentukan tema-tema utama yang berulang dalam wacana tafsiran, berdasarkan kepada corak penggunaan dan konteks ayat (Blei, Ng & Jordan, 2003). Akhir sekali, analisis semantik ringkas turut dilaksanakan bagi mengenal pasti hubungan makna antara istilah-istilah penting yang digunakan oleh para mufassir, khususnya yang berkait dengan aspek hukum, kebersihan, dan akhlak dalam pengurusan haid (Salloum, Khan & Shaalan, 2020). Gabungan kaedah NLP ini membolehkan analisis kandungan yang lebih terperinci serta menyokong dapatan kualitatif yang berasaskan teks yang terkandung dalam kitab-kitab tafsir yang dijadikan sebagai rujukan.

Data tafsir yang digunakan dalam kajian ini telah ditranskrip ke dalam bentuk teks bersih (*clean text*) sebelum dianalisis menggunakan bahasa pengaturcaraan Python serta pustaka NLP seperti *Natural Language Toolkit* (NLTK) dan gensim. Proses pembersihan teks melibatkan penyingkiran unsur-unsur seperti tanda baca, huruf besar-kecil yang tidak konsisten, dan elemen-elemen bukan teks yang boleh mengganggu ketepatan analisis linguistik (Bird, Klein & Loper, 2009). NLTK digunakan untuk pelbagai tugas asas NLP seperti

tokenisasi, penapisan perkataan hentian (*stop words*) dan lemmatisasi, manakala gensim digunakan untuk membina model topik dan menjalankan analisis semantik terhadap teks tafsir (Rehurek & Sojka, 2010). Hasil daripada analisis ini kemudiannya disilang semak secara manual dengan kandungan asal tafsir untuk memastikan kesahihan interpretasi dan agar tidak berlaku penyimpangan makna daripada maksud sebenar yang dikemukakan oleh para mufassir. Pendekatan ini bertujuan memastikan keseimbangan antara penggunaan teknologi analitik moden dan keabsahan metodologi tafsir dalam kajian keagamaan.

Istilah kemiskinan haid atau *period poverty* merupakan istilah kontemporari yang muncul dalam wacana kesihatan global dan tidak disebut secara literal dalam al-Quran atau hadis. Namun demikian, isu ini wajar diketengahkan dalam kajian tafsir kerana ia berkait rapat dengan prinsip-prinsip umum yang digariskan oleh al-Quran mengenai kebersihan (*taharah*), pemeliharaan kesihatan dan maruah wanita, khususnya dalam Surah al-Baqarah (2:222). Walaupun pada zaman awal Islam para wanita menggunakan kain sebagai alat pengurusan haid tanpa dianggap bermasalah, hal itu mencerminkan kesesuaian konteks sosial dan teknologi ketika itu. Sebaliknya, dalam konteks moden, kemiskinan haid merujuk kepada keterbatasan akses terhadap produk kebersihan haid akibat faktor sosio-ekonomi, pendidikan dan infrastruktur (Hafiz, Suraya & Amirah, 2023). Justifikasi utama membawa konsep ini ke dalam pentafsiran al-Quran ialah kerana ia selari dengan maqasid syariah yang menekankan kepentingan menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), kesihatan, serta maruah (*hifz al-'ird*) (Kamali, 2008).

Dari sudut metodologi, penggunaan kaedah NLP yang mengenal pasti kata kunci seperti darah, larangan dan taharah tidak bertujuan mendakwa al-Quran mendefinisikan kemiskinan haid, tetapi sebagai alat analisis tematik yang menghubungkan prinsip-prinsip Qur'ani dengan cabaran kontemporari wanita Muslim (Hidayatullah, 2014). Pendekatan ini membolehkan teks al-Quran terus berfungsi sebagai rujukan normatif yang hidup, relevan dengan isu-isu semasa, pada masa yang sama mengekalkan disiplin tafsir yang sahih dan beretika.

3.0 ANALISIS KAJIAN

Analisis kajian ini berusaha untuk menilai kewajaran penerapan istilah kemiskinan haid dalam pentafsiran al-Quran dengan meneliti asas konseptual, bukti sirah, serta justifikasi fiqh dan maqāṣid al-sharī'ah. Memandangkan istilah ini merupakan konstruk kontemporari yang tidak ditemui dalam tradisi tafsir

klasik, penilaian kritis diperlukan agar penggunaannya tidak terpisah daripada disiplin ilmu tafsir yang sahih. Oleh itu, analisis ini dimulakan dengan membezakan secara jelas antara istilah moden dan prinsip Qur'ani yang bersifat universal, diikuti sorotan terhadap amalan wanita pada zaman awal Islam sebagai asas sejarah. Seterusnya, hujah-hujah fiqh dan maqāsid diketengahkan bagi menunjukkan bagaimana isu pengurusan haid dapat ditempatkan dalam kerangka syariah yang menekankan kebersihan, kesihatan, dan maruah.

Dengan pendekatan ini, artikel berusaha membuktikan bahawa walaupun istilah kemiskinan haid lahir daripada wacana moden, aplikasinya dalam analisis Qur'ani adalah wajar dan selaras dengan roh syariat Islam.

1. Istilah Kontemporari dan Prinsip Qur'ani

Istilah kemiskinan haid merupakan konsep kontemporari yang lahir daripada wacana kesihatan global, bukan istilah yang wujud dalam teks klasik al-Quran atau hadis. Walau bagaimanapun, kewajaran membincangkannya dalam tafsir Qur'ani dapat dilihat melalui prinsip umum yang digariskan oleh al-Quran seperti tuntutan taharah (kebersihan), pemeliharaan kesihatan dan nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), serta pemeliharaan maruah (*ḥifẓ al-'ird*). Prinsip-prinsip ini bersifat sejagat dan sentiasa relevan, sekali gus membolehkan pengkaji menghubungkan istilah kontemporari ini dengan kerangka istinbat semasa tanpa menyalahi disiplin tafsir. Dalam konteks metodologi, usaha ini menzahirkan bagaimana nilai Qur'ani dapat diaplikasikan untuk menjawab cabaran sosial moden selaras dengan *maqāsid al-sharī'ah* (Auda, 2022).

2. Sirah dan Amalan Wanita Awal Islam

Sejarah Islam menunjukkan bahawa sejak zaman Rasulullah SAW, wanita telah mengamalkan cara pengurusan haid menggunakan kain (kursuf atau faraq) sebagaimana direkodkan dalam riwayat hadis sahih Bukhari.

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ امْرَأَةً، سَأَلَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ غُسْلِهَا مِنْ الْمَحِيضِ، فَأَمَرَهَا كَيْفَ تَغْتَسِلُ قَالَ " خُذِي فِرْصَةً مِنْ مِسْكِ فَتَطْهَرِي بِهَا ".
قَالَتْ كَيْفَ أَتَطَهَّرُ قَالَ " تَطْهَرِي بِهَا ". قَالَتْ كَيْفَ قَالَ " سُبْحَانَ اللَّهِ تَطْهَرِي ".
" فَاجْتَبِدْهُمَا إِلَى فُكُلْتُ تَتَّبِعِي بِهَا أَثَرِ الدَّمِ ."

Maksudnya:

Diriwayatkan daripada Aisyah r.a.:

Seorang wanita telah bertanya kepada Nabi ﷺ tentang mandi setelah selesai daripada haid. Maka Nabi ﷺ mengajarkan kepadanya apa yang perlu dilakukan dan bersabda: “Sucikanlah dirimu dengan secebis kain yang dibasahkan dengan bauan kasturi.” Wanita itu bertanya: “Bagaimana aku harus menyucikan diriku dengannya?” Baginda bersabda: “Subhanallah! Sucikanlah dirimu (dengannya).” Maka aku (Aisyah) menarik wanita itu kepadaku lalu berkata: “Gosoklah tempat yang terkena darah itu dengan kain tersebut.”

Amalan ini tidak dianggap menjejaskan kebersihan asalkan ia digunakan dan diganti dengan betul, bahkan terdapat panduan khusus daripada Rasulullah SAW mengenai cara membersihkan darah haid daripada pakaian. Hal ini membuktikan bahawa Islam sejak awal mengiktiraf keperluan alat pengurusan haid, meskipun bentuknya sederhana berbanding teknologi moden. Maka, isu kemiskinan haid pada era kini bukanlah semata-mata ketiadaan pad atau menstrual cup, sebaliknya ia merujuk kepada ketidakmampuan memenuhi piawaian kebersihan minimum sebagaimana dianjurkan syarak, termasuk akses kepada bahan yang bersih, privasi, dan kemudahan asas seperti air dan sabun (Unicef, 2019).

3. Justifikasi Fiqh dan *Maqāṣid al-Sharī‘ah*

Dari sudut fiqh, kebersihan merupakan syarat sah bagi pelaksanaan ibadah. Jika seorang wanita tidak dapat menguruskan haid dengan sempurna akibat ketiadaan alat atau kemudahan asas, maka hal tersebut berpotensi menjejaskan kesempurnaan ibadahnya. Dari perspektif *maqāṣid al-sharī‘ah*, pengurusan haid yang sihat dan bermaruah mencakupi beberapa objektif utama iaitu *ḥifẓ al-dīn* (pemeliharaan agama melalui ibadah yang sah), *ḥifẓ al-nafs* (penjagaan kesihatan dan nyawa), serta *ḥifẓ al-‘ird* (pemeliharaan maruah wanita).

Justeru, penerapan istilah kemiskinan haid dalam analisis Qur’ani bukan sahaja sah dari sudut epistemologi, tetapi juga relevan kerana ia menyambungkan prinsip *maqāṣid* dengan realiti sosial kontemporari yang memerlukan perhatian khusus.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian dapatan kajian ini menumpukan kepada analisis menyeluruh terhadap Surah al-Baqarah (2:222) dengan menggabungkan pendekatan linguistik, tafsir dan teknologi pemprosesan NLP. Analisis pertama memberi perhatian kepada struktur ayat al-Quran dan unsur linguistiknya, termasuk susunan kata, istilah utama, serta gaya bahasa yang menekankan aspek kebersihan dan larangan tertentu. Seterusnya, tafsir-tafsir terpilih dianalisis berdasarkan tema dan makna yang terkandung, bagi menonjolkan kepelbagaian pendekatan ulama klasik dan moden dalam memahami ayat tersebut. Akhir sekali, kaedah NLP digunakan untuk mengenal pasti tema serta pola linguistik yang berulang dalam teks tafsir, khususnya kata kunci dan hubungan semantik yang berkaitan dengan haid, kebersihan dan maruah. Gabungan ketiga-tiga analisis ini membolehkan kajian menghasilkan dapatan yang lebih komprehensif, menghubungkan teks wahyu dengan tafsiran tradisi serta menambah dimensi empirikal melalui sokongan teknologi moden.

4.1 Analisis Ayat Quran dan Struktur Linguistik

Ayat yang digunakan bagi tujuan analisis ini adalah ayat berkaitan dengan haid iaitu daripada Surah al-Baqarah, ayat 222.

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya:

Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.


Ayat ini mengandungi beberapa struktur linguistik penting yang menjadi fokus utama dalam perbincangan para mufassir. Antaranya ialah kalimah *al-mahīd* (الْمَحِيضُ), yang ditafsirkan sebagai darah haid serta merujuk juga kepada tempoh haid secara keseluruhan. Para mufassir seperti Ibn Kathir dan al-Maraghi menjelaskan bahawa perkataan ini bukan sekadar menunjukkan fenomena fisiologi, tetapi juga mengandungi implikasi hukum yang berkaitan dengan kebersihan, ibadah, dan hubungan suami isteri (Ibn Kathir, 1996).

Seterusnya, kalimah *fa‘atrilū* (فَاعْتَرِلُوا) yang membawa maksud menjauhkan diri, ditafsirkan oleh para ulama sebagai perintah untuk mengelakkan hubungan intim antara suami isteri sepanjang tempoh haid, selaras dengan prinsip menjaga kesucian dan kesihatan kedua-dua pihak (Asy-Suyuti, 1407).

Selain itu, kalimah *yattaharna* (يَتَطَهَّرْنَ) pula merujuk kepada proses penyucian diri selepas haid, yang melibatkan bukan sahaja kebersihan fizikal melalui mandi wajib, tetapi juga aspek spiritual yang membolehkan wanita kembali melaksanakan ibadah seperti solat dan puasa (Basmeih, 2001). Ketiga-tiga struktur linguistik ini mencerminkan kefungsihan bahasa al-Quran yang bukan sahaja bersifat informatif, tetapi juga normatif dan pedagogikal dalam membimbing tingkah laku umat Islam.

Rajah 1

Fokus utama struktur linguistik



Analisis ayat dari sudut linguistik, ayat Surah al-Baqarah (2:222) memperlihatkan gabungan antara bentuk perintah, larangan dan jaminan keredhaan Ilahi yang tersusun dalam struktur yang padat namun sarat makna. Terdapat perintah seperti *fa'tazilū* (فَاعْتَرِلُوا), yang menuntut tindakan menjauhi hubungan suami isteri ketika haid serta larangan yang tersirat berkait rapat dengan aspek hukum fiqh dan etika. Di samping itu, frasa penutup ayat ini menggunakan *inna Allāha yuḥibbu al-tawwābin wa yuḥibbu al-mutaṭahhirin* yang mana mengandungi jaminan keredhaan dan kasih sayang Allah terhadap golongan yang menjaga kebersihan diri dan sentiasa bertaubat, yang menjadi motivasi spiritual kepada ketaatan terhadap perintah tersebut (Ibn Kathir, 1996).

Manakala dari sudut semantik, ayat ini menunjukkan hubungan erat antara amalan fizikal seperti menjauhi perbuatan tertentu dan bersuci selepas haid dengan nilai kerohanian seperti taubat dan kecintaan Allah. Hubungan ini mencerminkan pendekatan al-Quran yang menyatukan aspek zahir dan batin dalam pembinaan akhlak dan kehidupan sebagai seorang Muslim (Nasr, 2002). Justeru, ayat ini tidak hanya bersifat normatif dalam menentukan hukum tetapi juga bersifat mendidik dari segi emosi dan rohani.

4.2 Analisis Tafsir berdasarkan Tema dan Makna

Analisis terhadap kandungan tafsir yang diteliti menunjukkan bahawa terdapat beberapa tema utama yang sering diketengahkan berkaitan dengan pengurusan haid. Antara tema yang dominan ialah hukum larangan melakukan hubungan suami isteri semasa haid, yang ditafsirkan berdasarkan perintah Allah agar menjauhkan diri daripada isteri ketika mereka berada dalam keadaan haid, sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Baqarah (2:222). Tema kedua berkait dengan konsep *tahārah* atau penyucian diri, yang merangkumi keperluan mandi wajib selepas tamat haid sebelum seseorang wanita dibenarkan kembali melaksanakan ibadah seperti solat dan puasa. Selain itu, tema taubat dan penyucian rohani juga muncul secara konsisten, khususnya dalam penekanan terhadap nilai kebersihan sebagai sebahagian daripada aspek keimanan, serta kepentingan taubat sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah. Tafsir seperti *Ibn Kathir*, *al-Maraghi*, dan *al-Jalalayn* menekankan dimensi fizikal dan spiritual ini secara seimbang, dengan menampilkan haid bukan sahaja sebagai isu hukum fiqh, tetapi juga sebagai ruang didikan rohani bagi individu Muslimah.

1. Larangan Hubungan Intim

Tafsiran Ibn Kathir terhadap ayat Surah al-Baqarah (2:222) menekankan bahawa larangan melakukan hubungan intim semasa haid merupakan hukum yang bersifat qat'i iaitu jelas dan tegas. Ianya berasaskan kepada sebab fizikal seperti najis darah haid dan potensi kemudaratan terhadap kesihatan wanita serta pasangan. Beliau menghuraikan bahawa larangan ini bukan sahaja bersandarkan kepada teks al-Quran, tetapi turut diperkuatkan dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang menyuruh para suami agar menjauhi persetubuhan ketika isteri dalam keadaan haid, namun masih dibenarkan bergaul dan bermesra dengan mereka dalam bentuk selain daripada hubungan seksual. Hadis yang diriwayatkan oleh Muslim menyebut bahawa Nabi SAW bersabda:

اصْنَعُوا كُلَّ شَيْءٍ إِلَّا الْبَيْكَاخَ

Maksudnya:

Lakukanlah apapun kecuali berhubungan badan.

Tafsiran ini mencerminkan pendekatan yang seimbang antara pemeliharaan hukum syarak dan keperluan psikologi serta emosi pasangan suami isteri. Ibn Kathir juga mengaitkan larangan ini dengan hikmah menjaga kebersihan, kesihatan, dan keharmonian dalam rumah tangga, yang selaras dengan prinsip maqāṣid al-sharī'ah dalam menjaga keturunan (*hifẓ al-nasl*) dan nyawa (*hifẓ al-nafs*) (Ibn Kathir, 1996).

2. Penyucian dan Kebersihan

Tafsir al-Maraghi memberi penekanan yang signifikan terhadap unsur penyucian dan kebersihan dalam memahami ayat larangan hubungan intim semasa haid. Beliau menegaskan bahawa larangan tersebut bukan semata-mata berbentuk hukum fiqh yang bersifat pengharaman, tetapi juga mencerminkan nilai kebersihan dan penyucian diri yang mendasari ajaran Islam secara menyeluruh. Menurut al-Maraghi, haid merupakan suatu proses biologi semula jadi yang menimpa wanita dan bukan sesuatu yang hina atau najis dari segi moral, namun tetap memerlukan pengurusan yang sistematik demi menjaga kesucian jasmani dan rohani. Justeru, ayat tersebut memberi garis panduan tentang bagaimana seseorang Muslim harus mendekati isu ini dengan hikmah dan adab. Tambahan pula, beliau mengaitkan perintah "*yattaharna*" dalam ayat tersebut dengan anjuran penyucian menyeluruh selepas haid, yang melambangkan kebersihan sebagai prasyarat untuk kembali kepada ibadah dan interaksi suci. Tafsiran ini

sejalan dengan prinsip bahawa Islam mengangkat nilai kebersihan sebagai sebahagian daripada iman, serta menghubungkan amalan fizikal dengan dimensi kerohanian (Maraghi, 2001).

Penekanan terhadap penyucian ini tidak hanya berlegar dalam ruang hukum atau kebersihan fizikal semata-mata, tetapi juga menyentuh aspek psikospiritual wanita. Pengurusan haid secara sistematik, betul dan bermaruah disertai kesedaran tentang nilai suci dan makna spiritual di sebalik penyucian selepas haid, memberikan kesan positif kepada emosi dan harga diri wanita Muslim. Ia memperlihatkan bahawa Islam bukan sahaja menegaskan tanggungjawab fizikal, tetapi turut menawarkan ruang pemulihan rohani dan ketenangan batin dalam menghadapi ketidakteraturan fisiologi seperti haid. Dalam konteks ini, penyucian menjadi satu proses penyembuhan yang menyeluruh merangkumi aspek fizikal, emosi dan spiritual sekali gus dapat memperkasa identiti wanita sebagai insan yang dimuliakan dalam syariat.

3. Penghormatan Terhadap Wanita

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman memperlihatkan satu pendekatan yang peka terhadap nilai sensitiviti wanita, terutamanya dalam memahami larangan hubungan intim ketika haid. Larangan yang dinyatakan dalam Surah al-Baqarah (2:222) tidak sewajarnya ditafsirkan sebagai bentuk diskriminasi terhadap wanita atau penurunan martabat mereka. Sebaliknya, larangan ini dilihat sebagai langkah pemeliharaan terhadap kehormatan dan kesejahteraan wanita dalam tempoh yang sensitif dari sudut biologi dan emosi. Tafsir ini menekankan bahawa dalam waktu haid, wanita berada dalam keadaan yang memerlukan ruang rehat, penjagaan rapi, dan kepekaan emosi yang lebih tinggi. Justeru, pengharaman hubungan intim dalam tempoh tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menjaga kesucian syariat, tetapi juga mencerminkan nilai belas ihsan serta pengiktirafan terhadap keunikan fisiologi wanita. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip rahmah dan keadilan dalam Islam, yang sentiasa mempertimbangkan keseimbangan antara hukum dan hikmah di sebaliknya.

Dalam konteks semasa, maruah wanita dalam pengurusan haid perlu dilihat dari perspektif kebolehcapaian terhadap produk kebersihan haid yang selamat, tempat yang bersih dan selesa untuk menukar tuala wanita serta pendidikan yang menyeluruh mengenai haid tanpa stigma. Ketiadaan fasiliti seperti tandas wanita yang bersih dan selamat, ruang privasi, serta bekalan air dan sabun yang mencukupi di tempat awam, sekolah atau tempat kerja

mencerminkan kegagalan masyarakat menunaikan prinsip *ḥifẓ al-‘ird* (penjagaan maruah), yang merupakan salah satu objektif utama maqasid syariah.

Larangan dalam ayat tersebut, apabila difahami dalam kerangka rahmah dan hikmah, memberikan asas normatif bahawa wanita tidak sepatutnya dipaksa melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kesejahteraan jasmani dan emosinya dalam keadaan haid. Maka, menyediakan kemudahan pengurusan haid yang bermaruah adalah selari dengan roh ayat ini dan tafsirannya iaitu menjamin hak wanita untuk menjalani tempoh haid dalam keadaan selesa, bersih dan bebas daripada tekanan sosial.

4. Penjagaan Elemen Kerohanian (Spiritual)

Tafsiran ayat Surah al-Baqarah (2:222) seperti yang dikemukakan dalam Tafsir al-Jalalayn memberikan dimensi spiritual yang penting kepada ilmu pengurusan haid, dengan menekankan bahawa kepatuhan terhadap larangan semasa haid bukanlah semata-mata isu fiqh, tetapi suatu proses pemurnian rohani. Dalam konteks ini, ilmu pengurusan haid yang betul dan dipercayai bukan hanya berpaksikan pengetahuan biologi atau perubatan tentang kitaran haid dan kebersihan diri, tetapi turut merangkumi kesedaran etika dan kerohanian yang mengakar dalam syariat Islam.

Perintah untuk menjauhi hubungan intim ketika haid dan dorongan untuk bertaubat serta menyucikan diri menunjukkan bahawa pengurusan haid dalam Islam merangkumi dua komponen utama: penjagaan fizikal dan pemeliharaan spiritual. Oleh itu, ilmu pengurusan haid yang benar menurut perspektif Islam seharusnya melibatkan pemahaman yang komprehensif tentang perubahan fisiologi wanita, kaedah penjagaan kebersihan yang sesuai, serta kesedaran terhadap nilai-nilai moral dan ibadah yang berkait rapat dengan fitrah wanita.

Kehadiran frasa seperti "*yuhibbu al-tawwābīn wa yuhibbu al-mutaṭahhirīn*" memperkuat lagi pandangan bahawa proses haid bukan sesuatu yang perlu dianggap hina atau kotor secara mutlak, sebaliknya ia adalah keadaan semula jadi yang memerlukan pengurusan yang penuh hikmah dan ihsan. Larangan dan perintah dalam ayat ini berfungsi sebagai garis panduan untuk memastikan kesihatan fizikal, kestabilan emosi, dan kesejahteraan spiritual wanita terpelihara. Ini bertepatan dengan prinsip maqasid syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*), nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), dan maruah (*ḥifẓ al-‘ird*).

Dengan itu, integrasi antara tafsir klasik seperti al-Jalalayn dengan pengetahuan moden mengenai kitaran haid dan kesihatan reproduktif dapat membentuk satu pendekatan holistik terhadap ilmu pengurusan haid yang sah, selamat dan berteraskan nilai Islam. Ia menuntut para wanita Muslim memahami bukan sahaja aspek hukum tetapi juga hikmah di sebalik ketentuan tersebut, demi membentuk identiti wanita beriman yang seimbang dari segi jasmani dan rohani.

4.3 Dapatan Tema dan Pola Linguistik NLP

1) Analisis frekuensi


Melalui aplikasi analisis frekuensi dalam *Natural Language Processing* (NLP), beberapa kata kunci utama telah dikenal pasti sebagai paling dominan dalam kandungan tafsir bagi Surah al-Baqarah (2:222). Kata-kata ini ialah: "haid" (حيض), "suci" (طهارة), "larangan" (نهي), "bersuci" (تطهير), "hubungan" (علاقة), dan "taubat" (توبة). Pengulangan kata-kata ini menunjukkan bahawa para mufassir memberi penekanan khusus terhadap aspek fizikal, hukum dan kerohanian dalam pengurusan haid.

Perkataan "haid" (حيض) merujuk kepada keadaan fisiologi wanita yang menjadi asas hukum larangan hubungan intim dalam ayat ini (Ibn Kathir, 1996). Perkataan "suci" (طهارة) dan "bersuci" (تطهير) pula mencerminkan tuntutan penyucian jasmani dan simbolik selepas haid, sebagaimana ditafsirkan oleh al-Maraghi sebagai satu bentuk penyucian diri yang membawa kepada keredhaan Allah (Maraghi, 2001). Penggunaan "larangan" (نهي) menggambarkan ketegasan bahawa wujudnya hukum syarak dalam perbincangan haid yang bertujuan memelihara wanita daripada kemudaratan semasa haid (Al-Mahalliyy & Al-Suyoutiyy, 2007).

Perkataan "hubungan" (علاقة) berkait rapat dengan aspek perhubungan suami isteri, yang ditangguhkan buat sementara waktu demi menjaga kesihatan dan maruah wanita, seperti dijelaskan dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (Basmeih, 2001). Manakala, perkataan "taubat" (توبة) yang terdapat dalam penghujung ayat tersebut memperlihatkan elemen pemurnian rohani dan spiritual yang menekankan bahawa hukum ini tidak bersifat fizikal semata-mata, tetapi juga membawa nilai pendidikan jiwa (al-Ghazali 1997).

Rajah 2

Kata kunci utama paling dominan



Kata kunci ini mengesahkan bahawa tafsir terhadap ayat ini menekankan pendekatan holistik terhadap pengurusan haid, meliputi aspek hukum, kebersihan, psikologi dan kerohanian. Ini juga memberi isyarat bahawa pengurusan haid dalam Islam tidak sekadar bersifat teknikal, tetapi menuntut kepada pendekatan yang memelihara maruah, kesejahteraan dan fitrah wanita selari dengan maqasid syariah (Kamali, 2008).

2) Analisis Topik (Topic Modeling)

Aplikasi *Latent Dirichlet Allocation* (LDA), sebuah kaedah analisis topik dalam *Natural Language Processing* (NLP) telah digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang muncul secara konsisten dalam teks-teks tafsir terhadap Surah al-Baqarah (2:222). Hasil pemodelan menunjukkan tiga topik dominan yang merentasi tafsir klasik, semi-modern dan kontemporari iaitu merujuk kepada fiqh seksual, kebersihan spiritual dan psikologi wanita.


Fiqh seksual merujuk kepada perbincangan hukum yang mengatur hubungan suami isteri semasa haid. Tafsir Ibn Kathir menegaskan bahawa larangan dalam ayat ini adalah ketetapan syarak yang disertakan dengan nas hadis dan bertujuan mengelakkan mudarat fizikal serta menzahirkan kepatuhan kepada perintah Allah SWT (Ibn Kathir, 1996). Tafsir al-Jalalayn turut menekankan bahawa hukum ini bersifat jelas dan tidak boleh ditakwilkan yang mana menunjukkan kekuatan dimensi fiqh dalam ayat tersebut (Al-Mahalliy & Al-Suyoutiy, 2007).

Kebersihan peribadi pula menjadi tema kedua, mencerminkan kepentingan penyucian diri selepas haid, bukan sekadar secara fizikal tetapi juga dalam dimensi kerohanian. Al-Maraghi menyatakan bahawa perintah bersuci bukan hanya bersifat kebersihan tubuh, tetapi mencerminkan nilai keimanan dan kesiapsiagaan rohani untuk kembali kepada ibadah. Ini seiring dengan akhir ayat yang menyebut tentang kecintaan Allah terhadap orang yang bertaubat dan menyucikan diri, menunjukkan hubungan erat antara aspek fiqh dan tazkiyah (penyucian jiwa) (Maraghi, 2001). Pada masa yang sama menunjukkan bahawa dalam proses bersuci dan penjagaan diri tersebut memerlukan produk dan keperluan lain bagi melaksanakan proses penyucian dengan sempurna.

Psikologi wanita muncul sebagai topik ketiga, menunjukkan sensitiviti Islam terhadap keadaan emosi dan psikososial wanita ketika haid. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menekankan bahawa larangan hubungan intim suami isteri bukanlah penindasan tetapi satu bentuk keprihatinan terhadap kesejahteraan fizikal dan emosi wanita (Basmeih, 2010). Penafsiran ini memperlihatkan nilai ihsan dan keadilan dalam hukum, sejajar dengan maqasid syariah yang menjamin pemeliharaan maruah dan kemaslahatan individu. Justeru, ketiga-tiga tema yang berkaitan topik utama perbahasan tafsir dengan pentakrifan kemiskinan haid.

Rajah 3

Topik utama perbahasan tafsir



Analisis topik ini menunjukkan bahawa perbahasan tafsir terhadap ayat haid ini tidak hanya tertumpu kepada aspek hukum semata-mata, tetapi turut

mencerminkan keutuhan epistemologi Islam yang menggabungkan aspek fiqh, spiritual dan psikologi dalam satu kerangka yang harmoni (Kamali, 2008). Hal ini memberi fokus kepada satu sudut pendekatan tafsir yang menyantuni fitrah wanita secara holistik dalam konteks pengurusan haid yang bermaruah.

3) Hubungan Istilah (Co-occurrence)

Analisis hubungan istilah (co-occurrence) melalui pendekatan NLP mendedahkan perkaitan semantik antara beberapa perkataan utama yang muncul bersama dalam tafsir Surah al-Baqarah (2:222). Perkataan "haidh" (حيض) sering digandingkan dengan istilah seperti "najis" (نجس), "suci" (طهارة) dan "larangan" (نهي) dalam wacana tafsir. Gandingan istilah-istilah ini menunjukkan pola semantik yang kukuh antara konsep hukum, kebersihan dan pengurusan haid dalam Islam.

Kehadiran istilah "najis" merujuk kepada status darah haid sebagai najis menurut pandangan majoriti fuqaha yang menjadi asas kepada larangan melakukan ibadah tertentu dan hubungan intim semasa haid. Hal ini ditegaskan dalam Tafsir Ibn Kathir sebagaimana haid digambarkan sebagai "kotoran" (*adha*), justeru hubungan seksual ketika itu ditegah demi mengelakkan mudarat fizikal dan spiritual. Meskipun terdapat pelbagai mitos yang berlaku dalam kalangan masyarakat sebagai contoh mengasingkan diri dari wanita yang sedang haid sedangkan yang dimaksudkan kotoran itu merujuk kepada status darah bukan individu yang sedang haid (Latifah et. al, 2024).

Tambahan lagi, istilah "suci" dan "bersuci" sering dikaitkan dengan penyucian diri selepas haid seperti diperintah dalam firman Allah "*sehingga mereka suci*" dan "*apabila mereka telah bersuci*". Tafsir al-Maraghi menyatakan bahawa proses penyucian ini melibatkan bukan sahaja pembersihan fizikal melalui mandi wajib tetapi juga pengembalian diri kepada keadaan yang layak untuk beribadah, mencerminkan nilai-nilai kebersihan dan kesucian dalam Islam (Maraghi, 2001). Oleh itu, dalam proses bersuci sudah tentu memerlukan fasiliti dan produk yang sesuai bagi membantu wanita dalam melaksanakan urusan bersuci dengan selesa dan bermaruah.

Istilah "larangan" pula mengukuhkan dimensi fiqh yang terkandung dalam ayat ini. Dalam Tafsir al-Jalalayn, perintah untuk menjauhkan diri (*fa'tazilū*) dipersembahkan sebagai satu perintah larangan yang jelas, menuntut ketaatan kepada perintah Allah sebagai ujian kesabaran dan keimanan. Gabungan istilah-istilah ini mewujudkan satu medan semantik yang memperlihatkan

bagaimana hukum Islam mengenai haid bukan semata-mata bersifat normatif, tetapi juga membina kerangka nilai yang menghubungkan kebersihan, kehormatan diri dan ibadah. Analisis ini sejajar dengan pandangan yang menyatakan bahawa hukum syariah mengintegrasikan keperluan fizikal dan rohani manusia secara seimbang (Kamali, 2008).

4.4 Perbincangan

Artikel ini menggunakan definisi operasional kemiskinan haid seperti yang digariskan oleh WHO dan UNICEF, iaitu keadaan kekurangan akses kepada produk kebersihan haid, kemudahan air bersih, privasi, sanitasi, serta pendidikan kesihatan menstruasi yang sesuai (UNICEF, 2019). Namun, perlu ditegaskan bahawa terdapat perbezaan jelas antara aspek produk atau alatan kebersihan dengan ilmu fiqh haid. Para wanita pada zaman Nabi SAW tidak boleh dianggap miskin haid, kerana meskipun pada zaman tersebut tidak mempunyai pad moden, akan tetapi memiliki kefahaman agama yang mendalam, ilmu fiqh haid serta cara menguruskan haid secara bermaruah menggunakan kemudahan yang ada pada zaman tersebut.

Hal ini adalah penting untuk membezakan antara konteks sejarah dan moden dalam memahami konsep kemiskinan haid. Istilah ini lahir daripada wacana kesihatan awam moden dan tidak berasal daripada kerangka tafsir klasik. Pada zaman Rasulullah SAW, penggunaan kain (kursuf) adalah norma yang diterima dan memadai untuk menjaga kebersihan, maka ia tidak boleh ditafsirkan sebagai bentuk kemiskinan haid. Sebaliknya, dalam konteks hari ini apabila piawaian kesihatan awam menetapkan keperluan akses kepada produk kebersihan yang bersih, selamat dan mesra alam, kegagalan memenuhi piawaian minimum ini wajar dikategorikan sebagai *period poverty*.

Seterusnya, tafsiran mengenai aspek “ilmu pengetahuan” dalam kemiskinan haid juga perlu dihadkan. Ilmu yang dimaksudkan dalam definisi WHO dan UNICEF merujuk kepada pengetahuan asas tentang kesihatan reproduktif seperti cara menukar produk haid dengan selamat, kaedah pelupusan yang betul, serta risiko jangkitan jika kebersihan diabaikan. Pengetahuan asas ini tidak boleh disamakan dengan kefahaman fiqh yang mendalam sebagaimana dimiliki oleh para sahabiyah, yang secara langsung mendapat bimbingan daripada Rasulullah SAW. Tidak wajar untuk menyamakan “ilmu asas kesihatan” dengan “ilmu agama yang tinggi”, kerana kedua-duanya beroperasi dalam dimensi yang berbeza, meskipun sama-sama penting bagi kesejahteraan wanita Muslim.

Gabungan pendekatan tafsir turath dan kontemporari dengan kaedah NLP telah membuka ruang baharu dalam memahami ayat al-Quran berkaitan haid, khususnya Surah al-Baqarah (2:222). Tafsir klasik dan moden memberi penekanan kepada dimensi hukum, spiritual dan etika dalam pengurusan haid manakala NLP berperanan sebagai alat sokongan yang menganalisis pola linguistik dan semantik secara sistematik dalam pelbagai teks tafsir.

Hasil analisis menunjukkan bahawa hukum mengenai haid tidak boleh difahami secara reduktif sebagai sekadar larangan hubungan intim, sebaliknya terkandung nilai empati, penjagaan kesihatan, kesucian rohani, dan perlindungan emosi wanita. Sebagai contoh, Tafsir al-Maraghi menekankan aspek kebersihan dan kesihatan, Tafsir Ibn Kathir memberi fokus kepada perintah dan sebab syarak, manakala Tafsir Pimpinan Ar-Rahman pula menzahirkan kepekaan terhadap maruah dan sensitiviti wanita. Ini menunjukkan bahawa ayat tersebut mengandungi keseimbangan antara hukum fiqh dan hikmah kemanusiaan yang luas.

Melalui NLP, kata kunci seperti “haid”, “suci”, “larangan”, “taubat” dikenal pasti sebagai perkataan paling dominan dalam wacana tafsir, menunjukkan tumpuan kepada hubungan antara kebersihan fizikal dan kerohanian. Selain itu, analisis topik (*topic modeling*) mengesahkan kehadiran tiga tema utama: fiqh seksual, kebersihan spiritual dan psikologi wanita, yang sering kali bertindih antara satu sama lain dalam penafsiran ulama pelbagai zaman. Keupayaan NLP untuk meneliti ratusan teks tafsir dalam tempoh yang singkat turut membuktikan potensinya sebagai alat bantu untuk menganalisis keseragaman dan perbezaan pendapat ulama secara kuantitatif (Jurafsky & Martin, 2020). Ini penting dalam kajian tafsir kontemporari, terutamanya dalam membina kerangka perbandingan yang lebih objektif dan berasaskan data. Sebagai contoh, teknik co-occurrence dapat menunjukkan bahawa istilah seperti “haidh”, “najis”, “bersuci” dan “taubat” saling berkait rapat dalam perbincangan ayat ini, sekaligus membantu memahami medan semantik yang membentuk maksud hukum secara lebih mendalam.

Gabungan tafsir dan NLP memberikan pandangan yang lebih mendalam terhadap makna ayat berkaitan haid. Tafsir menekankan dimensi hukum dan spiritual manakala NLP membantu mengenal pasti pola penggunaan istilah dan tema. Kajian ini membuktikan bahawa hukum mengenai haid bukan semata-mata bersifat larangan, tetapi juga mengandungi nilai empati, kebersihan, dan penjagaan psikologi wanita. NLP juga berpotensi mempercepat pemetaan

topik utama dalam ratusan teks tafsir, sekali gus membantu pengkaji melihat keseragaman dan perbezaan interpretasi ulama secara kuantitatif.

4.5 *Pentakrifan Kemiskinan Haid menurut Perspektif Islam*

Dapatan diperoleh dari perbincangan ini memberi satu pentakrifan kemiskinan haid yang sesuai dengan konteks seseorang individu Muslim kerana perbincangan haid sangat penting dan berkait perihal ibadah. Oleh itu, kemiskinan haid menurut perspektif al-Quran dapat ditakrifkan sebagai satu keadaan di mana individu mengalami kekangan terhadap keperluan asas untuk menjaga kebersihan diri, memahami hukum syarak berkaitan haid dan melaksanakan amalan ibadah secara sempurna, akibat kekurangan sumber fizikal (seperti air, tempat persendirian atau tuala wanita) dan sumber pengetahuan (ilmu tentang fiqh haid), yang akhirnya menghalang pencapaian maqasid syariah dalam menjaga maruah, kesihatan dan agama.

Definisi ini lahir daripada pemahaman ayat 2:222 yang menekankan aspek seperti berikut:



Takrifan ini disandarkan kepada prinsip-prinsip utama ayat dari surah al-Baqarah (2:222) iaitu keperluan menjauhi kemudaratan, menjaga kebersihan, memelihara maruah wanita dan menjaga hubungan manusiawi serta kerohanian.

5. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, gabungan pendekatan tafsir turath dan kontemporari dengan kaedah Natural Language Processing (NLP) telah membuka dimensi baharu dalam memahami kandungan ayat-ayat al-Quran berkaitan haid, khususnya Surah al-Baqarah ayat 222. Pendekatan ini bukan sahaja menzahirkan keluasan tafsir tradisional dan moden dari sudut hukum dan spiritual, tetapi turut memperlihatkan kemampuan teknologi linguistik moden dalam menganalisis makna teks secara lebih menyeluruh dan sistematik. Dapatan menunjukkan bahawa perbincangan ulama terdahulu dan kontemporari mengenai haid bukan bersifat hitam-putih atau semata-mata perundangan, sebaliknya menyentuh aspek empati, penjagaan kesihatan dan maruah wanita, yang selari dengan maqasid syariah.

Hasil analisis terhadap pelbagai teks tafsir mendapati bahawa ayat berkenaan menekankan keseimbangan antara larangan syarak dan pemeliharaan nilai kemanusiaan. Pendekatan NLP telah berjaya mengenal pasti kata kunci dan tema utama seperti "haid", "suci", "larangan", dan "taubat", yang sering muncul dalam konteks perbincangan mengenai kebersihan, fiqh seksual, serta kesejahteraan rohani dan emosi wanita. Dengan mengenal pasti perkaitan semantik antara istilah-istilah ini secara kuantitatif, pengkaji dapat membina kerangka pemahaman tafsir yang lebih objektif dan berasaskan data, seterusnya mengatasi cabaran tafsiran yang bersifat subjektif atau terhad kepada sudut pandang tertentu.

Lebih signifikan, dapatan ini turut memberikan sumbangan kepada pemahaman isu kontemporari seperti kemiskinan haid dalam kerangka Islam. Definisi kemiskinan haid yang dicadangkan menggabungkan kekangan fizikal dan pengetahuan yang menghalang wanita melaksanakan ibadah secara sempurna, selari dengan mesej utama Surah al-Baqarah ayat 222. Ia menekankan kepentingan kefahaman fiqh haid, akses kepada kemudahan kebersihan, serta pengiktirafan terhadap sensitiviti emosi wanita. Sunnah Nabi SAW yang menampilkan pendekatan berempati terhadap wanita haid turut memperkukuh hujah ini, menjadikan pendekatan holistik ini sebagai asas penting dalam menangani isu-isu wanita Muslim masa kini.

Secara keseluruhan, gabungan pendekatan tafsir turath dan kontemporari bersama analisis NLP telah memperkaya kefahaman terhadap ayat al-Quran berkaitan haid dengan menyatukan dimensi hukum, spiritual dan psikologi wanita dalam satu kerangka tafsiran yang menyeluruh. Pendekatan ini

bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan ilmu tafsir secara lebih saintifik dan objektif, malah turut memberikan asas kukuh dalam merangka penyelesaian terhadap isu-isu kontemporari seperti kemiskinan haid. Justeru, kajian ini membuka ruang bagi integrasi antara ilmu wahyu dan teknologi moden dalam membina wacana Islam yang lebih berdaya saing, berempati dan berpaksikan maqasid syariah.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2010. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an. Kuala Lumpur: Darul Fikir. cetakan. 12.
- Al-Bukhari Sahih Bukhari Kitab Haid, Bab Dalk al-Mar'ah Nafsahā Idhā Tatahharat Mina al-Mahīd wa Kaifa Taghtasil, wa Ta'khudhu Firqatan Mumassakah Fatattabi'u Bihā Athar al-Dam. 308
- Al-Mahalliyy, J., & Al-Suyoutiyy, J. (2007). Tafsir al-jalalayn. London: Dar Al-Taqwa Ltd.
- Al-Maraghi, A. M. (2001). Tafsir al-Maraghi. Dar al-Fikr.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1993. Tafsir al-Maraghi. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Auda, J. (2022). Maqasid Al-Shari'ah as philosophy of Islamic law: A systems approach. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Bird, S., Klein, E., & Loper, E. (2009). *Natural Language Processing with Python*. O'Reilly Media.
- Blei, D. M., Ng, A. Y., & Jordan, M. I. (2003). Latent Dirichlet Allocation. *Journal of Machine Learning Research*, 3, 993–1022.
- Cardoso, L. F., Scolese, A. M., Hamidaddin, A., & Gupta, J. (2021). Period poverty and mental health implications among college-aged women in the United States. *BMC women's health*, 21, 1-7.
- Fatimah, S. (2021). Pemahaman Dan Pengamalan Akidah Santri Aliyah Di Pondok Pesantren Al-Kautsar Al-Akbar Kecamatan Medan Denai Kota Medan (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan).
- Fethi Benslama, (2019). Psychoanalysis and the challenge of Islam. University of Minnesota Press.
- Hafiz Jaafar, Suraya Yasmin Ismail & Amirah Azzeri, (2023). Period Poverty: A Neglected Public Health Issue. *Korean Journal of Family Medicine* 2023;44(4):183-188.
- Hannan Fatini Md Reshad & Siti Khadijah Ismail. (2020). Analisis Sorotan Literatur Bagi Kajian Darah Wanita. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 227-234

- Ibn Kathīr, Ismā‘īl b. Abī Ḥaḥṣ. (1996). *Al-Bā‘ith al-hathīth: sharḥ ikhtisār ‘ulūm al-ḥadīth*. Edited by ‘Alī Ḥasan ‘Alī ‘Abd al-Ḥamīd. Riyadh: Maktabat al-Ma‘ārif li’l-Nashr wa’l-Tawzī‘.
- Ibn Kathir. 2000. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim* [Tafsir Ibn Kathir]. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2006. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Putrajaya: JAKIM.
- Jalal al-Din al-Mahalli dan Jalal al-Din al-Suyuti. 2007. *Tafsir al-Jalalayn*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Jalaluddin al-Mahalli & Jalaluddin al-Suyuti. (2003). *Tafsir al-Jalalayn*. Dar Ibn Hazm.
- Jurafsky, D., & Martin, J. H. (2020). *Speech and language processing* (3rd draft ed.). Stanford University.
- Kamali, Mohammad Hashim (2008). *Maqasid al-Shariah made simple* (Vol. 13). International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Latifah Abdul Majid, Nurul Suhaida Ibrahim, Mohd Manawi Mohd Akib, Mohd Arif Nazri, & Mohd Nasir Abdul Majid. (2024). *Pentakrifan kemiskinan haid menurut perspektif Islam*. UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies, 11(1)
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. (2006). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muslim, Sahih Muslim (No. 302. Bāb Iṣṇa‘ū Kullu Shay’in Illā al-Nikāḥ. Jil 1)
- Nasr, Seyyed Hosein. (2002). *Islamic Spirituality Foundation*, diterjemahkan Rahmani Astuti dengan judul *Ensiklopedi Tematis Spiritual Islam*.
- Nor Faiza Mohd. Tohit, Sh Fatimah AlZahrah Bt Syed Hussien, Szariannie Sulaiman, & Rohaiza Rokis. 2021. *Kemiskinan haid: Krisis kesihatan awam yang perlu diakhiri*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled 14.
- Qur’an.com. <https://quran.com>
- UNICEF. (2021). *Guidance on Menstrual Health and Hygiene*. <https://www.unicef.org>